

# PERUTUSAN PENGERUSI



JUMLAH SAIZ DANA  
**RM158.10  
bilion**



PENDAPATAN PELABURAN  
KASAR  
**RM7.01  
bilion**



KADAR PULANGAN  
BERWAJARAN MASA  
TAHUNAN UNTUK  
PURATA 10 TAHUN  
**5.3%**



## TRANSFORMASI UNTUK KEBAIKAN BERSAMA

Pihak berkepentingan yang dihormati,

Menjadi aspirasi kami untuk terus berkembang saban tahun, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] telah mengorak langkah dalam perkhidmatan dan penyampaian nilai pada 2022, berpaksikan model transformasi Program TERAS 5. Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan untuk KWAP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

## MENCARI KESEIMBANGAN DALAM PELBAGAI KETIDAKTENTUAN

Secara umumnya, ramai menjangkakan akan terdapat pemulihan positif terhadap semua sektor pasca pandemik pada 2022. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan ekonomi ini telah berterusan daripada cabaran-cabaran antarabangsa seperti ketegangan geopolitik antara Rusia-Ukraine, peningkatan inflasi, gangguan kepada rantaian bekalan dan komplikasi akibat pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Risiko pasaran antarabangsa yang tidak menentu dan cabaran terhadap kelas aset telah mengakibatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih perlahan kepada 3.4% daripada 6.3% yang direkodkan pada 2021.

Namun begitu, pertumbuhan domestik masih kekal teguh di mana Malaysia merekodkan pertumbuhan tahunan KDNK sebanyak 8.7% pada 2022. Aktiviti perdagangan eksport meningkat sebanyak 25% tahun ke tahun dengan rekod tertinggi dicatatkan pada RM1.6 trilion pada 2022. Tambahan lagi, peningkatan keyakinan pelabur dan aktiviti pelaburan asing menyaksikan aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) melonjak kepada RM73.3 bilion pada 2022 berbanding RM48.1 bilion yang direkodkan pada 2021. Disokong oleh faktor ini, pasaran modal Malaysia pada 2022 kekal berdaya tahan pada jumlah RM3.6 trilion pada 2022. Jumlah dana yang diperolehi dalam pasaran modal sebanyak RM179.4 bilion juga merupakan yang tertinggi pernah dicatatkan, di mana sebahagian besar dicatatkan melalui terbitan bon korporat dan sukuk. Walaupun pertukaran dagangan derivatif mencatat rekod dagangan tertinggi sebanyak 18.8 juta lot, keseluruhan penilaian yang semakin lemah telah mengakibatkan penurunan aset di bawah pengurusan (AUM) kepada RM906.5 bilion.

## PERUTUSAN PENGERUSI

Berjaya menyelesaikan fasa pertama inisiatif TERAS 5

SAA baharu untuk mencapai sasaran pulangan pelaburan lebih tinggi sebanyak 7% setahun menjelang 2025

Berjaya menjalankan audit pemantauan ABMS yang pertama tanpa penemuan ketidakpatuhan

Walau bagaimanapun, di sebalik pemulihan positif ini, kos sara hidup masih kekal tinggi disebabkan oleh inflasi yang terus meningkat daripada 2.5% pada 2021 kepada 3.3%, yang mendorong Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan Kadar Polisi Semalaman (OPR) sebanyak empat kali pada 25 mata asas setiap satu. Hal ini menyumbang kepada peningkatan OPR daripada 1.75% pada 2021 kepada 2.75% pada 2022.

KWAP kekal teguh dalam menyeimbangi antara pertumbuhan dan amalan berhemat dalam menghadapi ketidaktentuan ini. Fokus tahun ini dijuruskan ke arah mengekalkan pendapatan bersih selain selain mencapai 44% bagi status kemajuan program TERAS 5, bagi terus memangkin kecekapan operasi dan kesediaan masa depan.

### MENGUKUHKAN PENYAMPAIAN NILAI

Dalam memberi fokus terhadap pengukuhan teras asasnya, KWAP berjaya mengekalkan saiz dana sebanyak RM158.10 bilion. Di samping itu, Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) tahunan untuk purata 10 tahun adalah 5.3%, melepasi penanda aras sebanyak 55 mata asas. Sementara itu, KWAP merekodkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM7.01 bilion, menyaksikan peningkatan sebanyak 10.7% berbanding RM6.33 bilion pada tahun 2021.

Program jangkauan tetap diberi keutamaan di mana pelbagai program pendidikan dan informasi berkaitan pengurusan kewangan pasca persaraan telah dijalankan oleh KWAP melalui sesi libat urus secara bersemuka serta dalam talian bersama pihak berkepentingan. Saya berbesar hati untuk melaporkan bahawa program ini berjaya mendapat sambutan seramai 28,243 individu yang bersamaan 114% daripada kumpulan yang disasarkan.

Kejayaan program jangkauan ini adalah nadi utama kepada Pelan Hala Tuju Penjenamaan Strategik KWAP yang telah diluluskan pada Oktober 2022 untuk meningkatkan sasaran publisiti dan usaha libat urus bersama pihak berkepentingan utama KWAP dengan slogan baharu iaitu Teman Persaraan Anda. Slogan ini mencerminkan hasrat kami untuk mengeratkan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam usaha menjadikan masa depan mereka lebih baik.

Daripada sudut perkhidmatan, KWAP telah menerima pengiktirafan antarabangsa daripada *ASEAN Social Security Association* (ASSA) atas pelaksanaan Business Intelligence Dashboard bagi membolehkan pemantauan proses persaraan secara masa nyata (*real-time*). Ini meningkatkan reputasi KWAP dalam industri keselamatan sosial bagi peringkat domestik dan antarabangsa. Ianya juga menjadi titik permulaan kepada pelbagai inisiatif digital di bawah program TERAS 5 yang telah dirancang untuk menambah baik pengalaman pelanggan.

### STRATEGI PELABURAN KAMI

Secara asasnya, peranan KWAP adalah untuk memberi pulangan pelaburan yang terbaik. Dalam mendukung peranan ini, Alokasi Aset Strategik (SAA) sentiasa disemak sejajar dengan perubahan pasaran sekeliling dalam menghasilkan pulangan pelaburan yang optimum.

Bagi mencapai saiz dana kasar sebanyak RM200 bilion menjelang 2025, daripada saiz dana kasar semasa sebanyak RM175.60 bilion, semakan SAA ini telah dijalankan bagi mendorong KWAP mencapai sasaran pulangan pelaburan pada 7% setahun berbanding pulangan semasa sebanyak 5% ke 6% setahun di bawah SAA terdahulu. Di bawah seliaan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, pelaksanaan SAA baharu memberi fokus terhadap strategi pelaburan secara menyeluruh dengan mengambil kira selera risiko dan perspektif pelaburan jangka masa panjang.

Bagi mencapai sasaran pulangan yang tinggi, SAA baharu ini memberi alokasi dana yang lebih tinggi untuk pelaburan pasaran antarabangsa pada had 30% dan pelaburan pasaran persendirian pada had 24%, serta mempelbagaikan portfolio dalam kelas aset baharu bagi memberi hasil pulangan lebih tinggi untuk menyesaikannya dengan makroekonomi dan landskap pasaran modal yang tidak menentu.

Pertambahan peruntukan untuk pasaran persendirian telah dimulakan dengan pengenalan kredit persendirian ke dalam portfolio KWAP yang terdiri daripada domestik dan ekuiti antarabangsa, sekuriti pendapatan tetap, ekuiti persendirian, infrastruktur dan hartanah.

Pelaburan secara berhemat difokuskan pada syarikat yang mempunyai asas yang teguh seperti kedudukan kewangan serta aliran tunai yang kukuh, di samping membuat keputusan taktikal dengan memanfaatkan trend pasaran semasa dan mengambil kesempatan terhadap perubahan persekitaran pasaran serta peluang yang berkemungkinan timbul dalam jangka masa pendek.

Secara keseluruhannya, pelaburan domestik KWAP sebanyak 81% daripada jumlah aset pelaburan telah menyaksikan pulangan pelaburan yang lebih baik berbanding indeks pasaran global.

### MEMPERKUKUKAN INTEGRITI

Integriti merupakan antara elemen penting dalam operasi KWAP sebagai pemegang amanah dana pesara awam. Sebagai organisasi yang memperoleh sijil *ISO 37001 Anti-Bribery Management System* atau ABMS sejak 2021, Ahli Lembaga terus memastikan tahap tadbir urus yang teguh dan prinsip integriti tertinggi, ketelusan dan akauntabiliti menjadi tunjang dalam operasi. Kami berjaya menjalankan audit pemantauan ABMS yang pertama pada tahun lalu tanpa penemuan ketidakpatuhan.

KWAP telah mencapai kadar kemajuan sebanyak 56% di mana 32 daripada 57 inisiatif Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) telah dilaksanakan sepenuhnya dan program ini dijangka akan selesai pada tahun 2025.

KWAP juga berjaya menjalankan penilaian integriti keseluruhan organisasi dengan menggunakan instrumen penilaian integriti (IAT) yang diperkenalkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM). Menurut hasil skor IIM, KWAP telah merekodkan jumlah skor sebanyak 84.17% daripada penilaian yang dijalankan. Ini telah meletakkan KWAP pada tahap tinggi sebagai sebuah organisasi yang mempunyai amalan terbaik dalam etika dan integriti.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap kepentingan mematuhi polisi dan tindakan berkaitan rasuah, KWAP telah menjalankan sesi libat urus

secara fizikal buat pertama kalinya yang menasarkankan pengurus dana dan vendor sebagai sebahagian daripada program jangkauan perniagaan bersekutu KWAP. KWAP juga telah bekerjasama dengan Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Permodalan Nasional Berhad dalam penganjuran Program Integriti 2022 bersama Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang julung kalinya diadakan dengan matlamat untuk memartabatkan agenda integriti nasional dalam kalangan GLIC.

### MEMENJAJA BAIK TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO

Kemajuan kerangka risiko dan tadbir urus KWAP terbukti berkesan pada tahun ini. Antaranya, Kerangka Pengurusan Risiko Perniagaan telah dinaik taraf daripada *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO) 2004* berdasarkan *ISO31000:2018*. Kerangka tadbir urus yang menyeluruh juga telah disatukan dan diluluskan pada akhir tahun. Ini diikuti dengan semakan daripada pelbagai jawatankuasa di KWAP dan kerangka komprehensif juga telah diperkemas dengan hanya satu pihak diberi kuasa untuk mentadbir penubuhan atau pembubaran sesebuah jawatankuasa. Polisi dan garis panduan risiko pelaburan juga telah diselaras dan disatukan di dalam satu dokumen untuk kefahaman dan keberkesanan yang lebih baik.

KWAP telah menyemak dan menambah baik tanggungjawab penyeliaan melalui beberapa sesi ceramah berkenaan '*Fiduciary Duties of the Board and Investment Panel*' dan '*Environmental, Social & Governance: Improving the Quality of ESG Data and Its Impact*' yang dihadiri oleh Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan.

Tahun ini merupakan tahun yang produktif daripada segi tadbir urus di mana sebanyak 130 mesyuarat Ahli Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Eksekutif dan Jawatankuasa Pelaburan telah dijalankan.

## PERUTUSAN PENGERUSI

### MENINGKATKAN IMPAK YANG MAMPAN

Seterusnya, kami menyasarkan untuk memberi ruang dan membuka peluang bagi memajukan ekosistem dana persaraan Malaysia di samping mencipta kemampunan jangka masa panjang. Sehubungan itu, KWAP telah memperluaskan peranan ESG dalam strategi pelaburannya termasuk kelas aset pendapatan tetap pada 2022. Ini merujuk kepada penambahbaikan dalam Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) dengan mengambil kira *ESG Credit Rating Impact Score* dalam analisis pelaburan kami.

Sesi libat urus berkaitan ESG dan penilaian ESG dijalankan bersama firma pelabur mengikut pengesahan metodologi ESG, di mana syarikat yang mempunyai isu diletakkan di dalam senarai pemantauan ESG untuk pemerhatian lanjut agar selari dengan objektif kemampunan dan ESG KWAP.

Pada 2022, KWAP telah menjalankan empat sesi libat urus ESG dan satu sesi susulan bersama syarikat-syarikat pelaburannya. Selain itu, penganalisa penyelidikan KWAP turut mengadakan 811 sesi libat urus yang melibatkan 450 syarikat domestik dan 352 syarikat antarabangsa sepanjang tahun ini. KWAP juga merupakan penandatanganan Prinsip-Prinsip Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI), yang menggalakkan pelabur untuk membuat pelaburan bertanggungjawab bagi meningkatkan pulangan dan mengurus risiko dengan lebih baik. Selain itu, kami sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dan menyumbang buah fikiran berkenaan perubahan iklim dalam sektor kewangan melalui penglibatan dalam kumpulan kerja berkaitan kelestarian serta dijemput sebagai penceramah dalam beberapa program berkaitan kelestarian ESG.

### PENGHARGAAN

Setiap tahun, sekitar 25,000 penjawat awam bersara. Peranan kami dalam menjamin masa hadapan mereka adalah penting dan Lembaga KWAP berbesar hati dapat memegang tanggungjawab ini sepanjang tempoh yang penuh dinamik ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga KWAP, barisan pengurusan yang mantap serta tenaga kerja yang serba boleh atas perkhidmatan cemerlang mereka dalam membangunkan KWAP sebagai pengurus dana persaraan, serta kerjasama mereka dalam memacu ke arah transformasi yang lebih baik.

Bagi pihak Lembaga KWAP, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Datuk Seri Asri Bin Hamidon @ Hamidin atas kepimpinannya sepanjang menjawat jawatan sebagai Pengerusi. Komitmen beliau terhadap kecemerlangan organisasi ini akan sentiasa dikenang dan dihargai. Lembaga KWAP juga merakamkan penghargaan kepada sumbangan Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman yang bersara dan Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah yang meletak jawatan sebagai Ahli Lembaga pada tahun ini. Kami mengucapkan terima kasih atas dedikasi yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di KWAP.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan dan pengawal selia, rakan-rakan industri atas sokongan berterusan mereka yang begitu penting buat kami, serta pihak berkepentingan atas kepercayaan mereka yang membantu kami dalam meningkatkan prestasi KWAP.

Melangkah ke hadapan, Lembaga KWAP komited untuk menyemak model perniagaan organisasi dan mengukuhkan asas bagi membolehkan kami untuk terus melaksanakan mandat KWAP. Dengan usaha-usaha itu, kami berharap dapat membina masa hadapan yang lebih baik demi masyarakat dan negara.

### DATUK JOHAN BIN MAHMOOD MERICAN

Pengerusi